



Headline: Guna surat rasmi perdaya orang ramai
Publication/Portal: Utusan Malaysia
Date: 29 September 2019

Language: Malay
Section: Dalam Negeri
Page: 8

Guna surat rasmi perdaya orang ramai


Oleh **MASZUREEN HADZMAN**
pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 28 SEPT.**

DI sebalik pembongkaran demi pembongkaran kegiatan Macau Scam, penjenayahnya seolah-olah tidak gentar dan terus mencari jalan untuk memperdaya orang ramai.

Jika sebelum ini, mereka membuat panggilan telefon dengan menyamar sebagai pegawai polis, mahkamah atau Bank Negara Malaysia (BNM), kini mereka menggunakan surat rasmi beserta logo-logo dan kepala surat agensi tertentu.

Taktik itu didedahkan oleh seorang individu yang hampir menjadi mangsa penipuan selepas menerima surat daripada Pejabat Ketua Pendaf-



tar, Mahkamah Persekutuan Malaysia, Putrajaya mengenai pemakluman perintah penangkapan dan pembekuan aset-asetnya.

Surat yang menggunakan lambang agensi itu mendakwa mangsa terlibat dalam kes dadah sebelum memintanya me-

lakukan pemindahan aset kepada Jabatan Audit Negara untuk membuktikan dia tidak bersalah.

Namun maklumat pada surat berkenaan bercanggah dengan prosedur sebenar dan meragukan walaupun mempunyai tandatangan kononnya milik Timbalan Ketua Pendaftar dan Hakim Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Bukit Aman, Datuk Seri Mohd. Zakaria Ahmad berkata, pihaknya belum menerima sebarang laporan mengenai modus operandi seumpama itu tetapi sedia untuk menyasat.